

Gerakan boleh kemuka dasar

KUALA LUMPUR: Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menafikan dakwaan, konon parti itu menghadapi kesukaran menyatakan dasar dan pendiriannya dalam Kabinet.

Katanya, Gerakan tidak berhadapan masalah kerana beliau bekerjasama rapat dengan Penasihat parti, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang boleh menyatakan dasar dan pendirian parti di Kabinet, atas kedudukan sebagai bekas Presiden Gerakan, selain Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

"Tak jadi masalah sebab Dr Lim dengan pengalaman 26 tahun memahami pendirian parti. Beliau juga penggerak beberapa inisiatif utama dalam tempoh beliau berkhidmat sebagai presiden merangkap menteri Kabinet.

"Jadi beliau amat sesuai untuk melaksanakan kerja ini (sampaikan dasar dan pendirian Gerakan kepada Kabinet)," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) Gerakan, di Menara PGRM di sini, semalam.

la sidang media keduanya selepas mempengerusikan mesyuarat CC selepas memangku jawatan presiden sejak 8 April lalu.

Koh ditanya mengenai pandangan parti itu sukar menyampaikan dasar dan pendirian kerana pemimpin Gerakan dalam CC, termasuk beliau sendiri tidak menyertai Kabinet kerana bukan menteri pusat.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu berkata, Gerakan tidak melihat keadaan berkenaan sebagai halangan kerana parti pernah melalui keadaan sama.